

10 DEC 2001

PERDANA MENTERI LAWAT PEKAN RABU

ALOR SETAR, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali membeli-belah untuk persiapan Hari Raya Aidilfitri di Pekan Rabu di sini hari ini.

Perdana Menteri membeli songkok dan Dr Siti Hasmah membeli kuih raya. Mereka juga membeli kuih tradisional.

Pekan Rabu merupakan tempat Dr Mahathir berniaga suatu ketika dahulu semasa remaja.

Ini merupakan kali kedua beliau mengunjungi kompleks perniagaan bagi Bumiputera itu dalam bulan puasa ini. Kali pertama ialah pada 30 Nov lepas.

Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Hari ini, Dr Mahathir yang juga Anggota Parlimen Kubang Pasu, akan berbuka puasa dengan orang ramai di Masjid Kampung Palas, Changloon.

-- BERNAMA

JM MAI